



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



KEBERKESANAN PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH MELALUI AKTIVITI KOKURIKULUM BERKREDIT DI KALANGAN MAHASISWA

INCULCATION OF SOFT SKILLS THROUGH CREDITED CO-CURRICULAR ACTIVITIES AMONG STUDENTS

Izwan Nizal Mohd Shahrane^{1*}, Jastini Mohd Jamil², Hussin Abdullah³, Azlizan Taib⁴

¹ Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: nizal@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: jastini@uum.edu.my

³ Pusat Pengajian Ekonomi, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: hussin@uum.edu.my

⁴ Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: azlizan@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.05.2021

Revised date: 11.07.2021

Accepted date: 18.11.2021

Published date: 01.12.2021

To cite this document:

Shahrane, I, N, M., Jamil, M, J., Abdullah, H., & Taib, A. (2021). Keberkesanan Penerapan Kemahiran Insaniah Melalui Aktiviti Kokurikulum Berkredit Di Kalangan Mahasiswa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (44), 30-37.

DOI: 10.35631/IJEPC.644003

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Hasrat ini tidak akan berjaya jika penekanan hanya diberikan kepada kecemerlangan akademik semata-mata. Oleh itu, aktiviti kokurikulum perlu di terapkan kepada pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam usaha memupuk kemahiran insaniah (KI). Terdapat pelbagai aktiviti kokurikulum yang telah dilaksanakan di universiti sebagai usaha untuk memberikan kemahiran insaniah yang berguna kepada pelajar. Namun masih menjadi persoalan, bagaimanakah setiap kemahiran ini dilaksanakan dan bagaimana pula penerimaan dan pemahaman pelajar terhadap kemahiran insaniah yang diterapkan. Justeru, kajian ini telah dilaksanakan bagi mengenalpasti beberapa perkara antaranya ialah untuk mengenalpasti keberkesanan KI pelajar setelah tamat mengikuti aktiviti kokurikulum. Soal selidik yang melibatkan seramai 669 pelajar telah di analisa. Dapatan kajian menunjukkan keberkesanan penerapan kemahiran insaniah dalam aktiviti kokurikulum adalah tinggi, dengan nilai purata 5 (Skala Likert 1-7). Namun beberapa penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan penerapan kemahiran insaniah kepada pelajar. Tenaga pengajar/jurualatih kokurikulum perlu

menjalani latihan untuk mengintegrasikan kemahiran insaniah dalam kursus kokurikulum. Penyediaan garis panduan yang baik adalah penting untuk membantu tenaga pengajar/jurulatih membangunkan aktiviti kokurikulum yang bersesuaian dalam proses penyampaian mahupun penilaian. Tenaga pengajar/jurulatih perlu menjelaskan kepada pelajar apakah kemahiran insaniah yang mereka boleh perolehi bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan. Sebagai tambahan, dalam usaha pelajar memperolehi kemahiran insaniah yang diinginkan, para pelajar perlu membuat refleksi terhadap apa yang telah dipelajari dan dilaksanakan sepanjang aktiviti kokurikulum dilaksanakan.

Kata Kunci:

Kemahiran Insaniah, Kurikulum Berkredit, Bakat Pelajar

Abstract:

Education in Malaysia is an ongoing effort towards further developing the potential of individuals in a holistic and integrated manner to produce individuals who are intellectually, spiritually, emotionally, and physically balanced and harmonious, based on a firm belief in and devotion to God. This aspiration will not be successful if the emphasis is only given to academic excellence alone. Therefore, the co-curricular activities should also be embedded towards Higher Education Institutions (HEI) students in cultivating soft skill. Various co-curricular activities have been implemented at the university to offer valuable soft skills to students. But it is still a question how these soft skills are implemented, and how are the students' acceptance and understanding of the soft skills applied. Therefore, this study has been conducted to identify the effectiveness of students' soft skills after completing co-curricular activities. A questionnaire involving a total of 669 students was analysed. The result indicated the effectiveness of soft skills embedded within the co-curricular activities is high, with an average value of 5 (Likert Scale 1-7). However, some improvements are required to increase the effectiveness of soft skills to students. Co-curricular instructors/trainers need to have proper training on integrating soft skill in their courses. Providing good guidelines is vital to help the instructors/trainers develop suitable co-curricular activities for teaching delivery and evaluation. The instructors/trainers need to explain to students what soft skills they can obtain for each activity implemented. Additionally, to ensure students acquire the soft skill, they need to reflect on what they have learned and practices during co-curricular activities.

Keywords:

Soft Skills, Credited Co-Curricular, Student Talent

Pengenalan

Graduan institusi pengajian tinggi merupakan antara kelompok masyarakat yang diharapkan untuk memacu masa hadapan oleh sesebuah negara. Sepanjang tempoh pengajian, mereka bukan sahaja diharapkan dapat memperolehi prestasi akademik yang cemerlang malah turut dituntut untuk memiliki kemahiran-kemahiran insaniah yang baik dan terpuji. Kerjaya masa hadapan bukan sahaja mementingkan mencapai akademik yang cemerlang malah pada masa kini kemahiran-kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, penyelesaian masalah dan berkerja dalam kumpulan menjadi antara beberapa kriteria majikan dalam memilih pekerja yang sesuai (Hora et al., 2018; Lavy, 2013; Md Ali et al., 2018; Slesarenko et al., 2018). Pekerja yang mempunyai kemahiran insaniah yang baik dapat menyesuaikan diri dengan sebarang persekitaran pekerjaan dan mampu meningkatkan kualiti syarikat (Esa & Jamaludin, 2009).

Seringkali Institusi Pengajian Tinggi dituntut untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan cemerlang (Lau et al., 2015; Mohamed, 2014). Menurut (Esa & Jamaludin, 2009), penyertaan pelajar dalam pelbagai aktiviti kokurikulum dapat memberi banyak nilai tambah dan manfaat kepada pelajar.

Aktiviti kokurikulum pada kebiasaannya dilakukan diluar bilik darjah/kuliah dan merupakan gerak kerja yang memberikan nilai tambah kepada pembelajaran akademik pelajar di institusi pengajian tinggi (Shaharaneet et al., 2016). Kursus kokurikulum berkredit di Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dilaksanakan semenjak penubuhannya pada tahun 1984. Kursus ini adalah diwajibkan pada semua pelajar yang mendaftar untuk mengikuti pengajian ijazah pertama di UUM. Para pelajar dikehendaki lulus dalam kegiatan kokurikulum yang disertainya sepertimana kursus akademik yang lain sebelum dianugerahi ijazah sarjana muda. Dari segi pemilihan aktiviti kokurikulum, pelajar-pelajar diwajibkan untuk terlibat dalam mana-mana kegiatan kokurikulum selama 4 semester atau dalam kes khas boleh menukarkannya selepas dua (2) semester dengan kebenaran untuk mengikuti komponen Kreativiti, Khidmat Masyarakat atau Perniagaan Tani selama dua (2) semester lagi.

Kajian ini membincangkan keberkesanan penerapan kemahiran insaniah melalui pelaksanaan aktiviti kokurikulum berkredit di kalangan mahasiswa universiti. Di bahagian seterusnya perbincangan secara umum beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan kepentingan penerapan kemahiran insaniah kepada pelajar, diikuti dengan metodologi pelaksanaan kajian. Hasil penyelidikan dan seterusnya kesimpulan dibincangkan pada dua bahagian terakhir kertas kerja ini

Kajian Lepas

Menurut (Kamsah et al., 2018), kokurikulum merupakan antara elemen penting dalam pengajaran dan pembelajaran yang telah diberikan perhatian oleh ramai penyelidik. Vittoria da Feltre (1378-1446) seorang tokoh agong dan ahli kemanusiaan pada zaman Renaissance dari Italy menegaskan bahawa aktiviti praktikal seperti sukan dan permainan perlu disertakan sekali dalam pendidikan formal untuk melengkapkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Kamsah et al., (2018) dalam kajiannya telah merumuskan bahawa jalinan kursus kokurikulum dalam kursus akademik telah berlaku dengan meluas dan jayanya dikebanyakkan institusi pendidikan samada di peringkat sekolah mahupun pengajian tinggi. Di antara kepentingan aktiviti kokurikulum dalam membentuk pelajar adalah kemampuan aktiviti kokurikulum ini untuk menyemai, memupuk dan menanamkan semangat kebersamaan di antara pelajar dari pelbagai latar belakang dan cara hidup yang berbeza. Aktiviti kokurikulum yang berstruktur juga mampu untuk melatih pelajar-pelajar supaya bersikap bertanggungjawab dan membentuk jati diri yang baik (Esa & Jamaludin, 2009). Aktiviti kokurikulum ini juga melatih mereka berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai di samping memperolehi ilmu akademik secara formal (Mohd Amin et al., 2013; Quah et al., 2018; Radzi, 2007; Samad et al., 2014). Kemahiran insaniah juga mampu memberikan nilai tambah dalam meningkatkan potensi pelajar di alam pekerjaan (Bartel, 2018)

Dua tonggak utama pendidikan pada masa kini ialah melahirkan individu yang pertamanya kreatif dan inovatif dan keduanya mempunyai perwatakan dan keperibadian yang unggul. Dalam konteks ini, kokurikulum amat penting bagi pembangunan modal insan ke arah melahirkan warga negara yang bermaruah kerana melalui aktiviti kokurikulum ini dapat memupuk nilai-nilai dan prinsip yang menjadi pegangan diri, menjadikan pendidikan


menyeronokkan, mengurangkan tekanan dan membina watak dan peribadi yang seimbang dan holistik. Terdapat pelbagai kajian yang mendapati kepentingan aktiviti kokurikulum kepada para pelajar dari beberapa aspek kemahiran insaniah. (Esa & Jamaludin, 2009; Mohamed, 2014) mendapati aktiviti kokurikulum dapat memupuk sifat kepimpinan, keberanian dan kecekapan. Kamsah et al., (2018), mendapati sifat kepimpinan dapat dipupuk, dapat menyediakan pelajar yang jujur, amanah, berkeyakinan diri yang tinggi, berkemampuan untuk bersosial dalam norma yang betul, berdiplomasi, bijak dan adil serta mahir dan mampu membuat keputusan dalam apa jua keadaan. Aktiviti kokurikulum yang berbentuk fizikal seperti sukan dan badan beruniform merupakan antara aktiviti kokurikulum yang mampu membina fizikal pelajar yang lebih sihat, bersemangat dan memupuk nilai kerjasama dan kepimpinan yang baik antara satu sama lain (Quah et al., 2018).

Terdapat beberapa kajian lain yang menumpukan kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, yang meliputi peranan fasilitator/jurulatih dan aspek kemudahan infrastruktur yang disediakan untuk aktiviti kokurikulum (Esa & Jamaludin, 2009). Berdasarkan sorotan literatur, adalah didapati bahawa kajian berkenaan keberkesanan kemahiran berkomunikasi, kemahiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran keusahawanan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, etika dan moral professional, kemahiran kepimpinan dan kemahiran berkomunikasi terhadap pelajar yang menjalani kursus kokurikulum ber kredit masih kurang dan perlu diberikan perhatian. Oleh yang demikian, menyederi kepentingan aktiviti kokurikulum kepada para mahasiswa dalam memupuk kemahiran insaniah kepada mereka maka kajian ini dijalankan.

Metodologi Kajian


Data dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar semester 1 sehingga pelajar semester 5 yang sedang mengikuti aktiviti kokurikulum di UUM. Kesesuaian saiz sampel adalah penting dalam kajian bagi membolehkan saiz sampel yang dipilih dapat menggambarkan keseluruhan populasi kajian (Cheah et al., 2018). Berdasarkan saiz populasi, bilangan sampel responden yang dipilih ialah seramai 699 orang menggunakan kaedah Krejcie dan Morgan. Sampel kajian dipilih menggunakan pendekatan persampelan rawak berstrata yang melibatkan responden terdiri daripada tiga (3) teras utama kokurikulum iaitu Sukan, Budaya dan Rekreasi, Kesukarelawan dan Komuniti dan Badan Beruniform. Berdasarkan 3 teras kokurikulum ini, terdapat lapan (8) jenis aktiviti kokurikulum termasuk Angklong, *Francais*, Pengurusan Sukan dan Rekreasi II, Pembimbing Rakan Siswa (PRS), Relasis, Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA), Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS), and Tarian Melayu. Taburan jumlah responden berdasarkan 3 teras kokurikulum tersebut adalah seperti yang digambarkan dalam Rajah 1a, 1b dan 1c di bawah.



Rajah 1a, 1b 1c: Jumlah Responden Mengikut 3 Teras Utama

Jumlah responden dari Sukan, Budaya dan Rekreasi adalah seramai 146 orang didahului responden dari aktiviti Pengurusan Sukan dan Rekreasi II yang mencatat jumlah seramai 57 orang diikuti responden dari aktiviti Angklong seramai 51 orang dan selebihnya iaitu 38 orang adalah dari aktiviti Tarian Melayu. Manakala, jumlah responden paling tinggi dalam Kesukarelawan dan Komuniti adalah dari aktiviti PRS yang mencatat jumlah seramai 308 orang dan selebihnya iaitu seramai 50 orang adalah dari aktiviti Francais yang mana jumlah keseluruhan kedua-duanya adalah seramai 358 orang. Berdasarkan kategori ketiga aktiviti kokurikulum iaitu Badan Beruniform, jumlah responden adalah seramai 195 orang yang mana didahului oleh responden dari aktiviti SUKSIS yang berjumlah 129 orang diikuti oleh aktiviti SISPA berjumlah 50 orang dan seterusnya responden dari Relasis yang berjumlah 16 orang. Sementara itu, Rajah 2a di bawah adalah taburan jumlah peratus responden berdasarkan jantina dan ia jelas menunjukkan bahawa responden perempuan yang dominan dengan mencatatkan 74.80 peratus berbanding responden lelaki yang hanya 25.20 peratus sahaja.



Rajah 2a, 2b: Jumlah Peratus Responden Berdasarkan Jantina dan Semester


Manakala, Rajah 2b menggambarkan taburan jumlah peratus responden berdasarkan semester yang keseluruhannya merangkumi responden dari semester satu sehingga semester lima. Walaubagaimanapun, responden dari semester tiga yang mencatatkan jumlah tertinggi iaitu seramai 35.10 peratus diikuti oleh responden dari semester 1 (31.30 peratus), semester dua (17.80 peratus), semester empat (15.40 peratus) dan semester lima (0.30 peratus). Bilangan responden yang kecil untuk semester lima disebabkan hanya ada beberapa aktiviti kokurikulum sahaja yang memerlukan sehingga 5 dan 6 semester.

Instrument Kajian


Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang merangkumi lapan (8) Bahagian iaitu bahagian pertama (Bahagian I) merupakan maklumat latar belakang responden manakala enam bahagian (Bahagian A sehingga Bahagian F) adalah meliputi lapan ciri-ciri kemahiran insaniah yang berbeza iaitu Kemahiran Komunikasi (CS), Kerja Berpasukan (TS), Kepemimpinan (LS), Pemikiran Kritis, Kemahiran Sainstifik dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah (CTPS), Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL), Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan (KK), Moral, Sikap dan Etika Profesional (EM), dan Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial. Manakala bahagian akhir iaitu Bahagian G adalah Penerapan KI dan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). 7-point Skala Likert digunakan dan skala ini diaplikasikan untuk soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D, Bahagian E, Bahagian F dan Bahagian G.

Dapatan Kajian


Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, keputusan yang diperolehi daripada semua responden berkenaan tahap kemahiran insaniah (KI) adalah seperti pada Rajah 3a, Rajah 3b dan Rajah 3c di bawah yang mana Rajah 3a menunjukkan tahap keberkesanan KI bagi teras pertama aktiviti kokurikulum UUM iaitu Sukan, Budaya dan Rekreasi yang merangkumi aktiviti kokurikulum Angklong, Pengurusan Sukan dan Rekreasi II, dan Tarian Melayu. Daripada 146 responden dalam Sukan, Budaya dan Rekreasi, keputusan menunjukkan bahawa mereka sangat bersetuju empat ciri-ciri KI iaitu TS, KTS, LS, dan C berkesan terhadap pelajar dalam aktiviti kokurikulum UUM, manakala tiga ciri-ciri KI yang lain termasuk KK, CTPS dan LL agak kurang berkesan terhadap pelajar, dan akhir sekali responden kurang setuju bahawa ciri-ciri KI iaitu EM berkesan terhadap pelajar.



3a




3b



3c

Rajah 3a, 3b, 3c: Tahap Keberkesanan KI Mengikut 3 Teras Utama

Di samping itu, secara keseluruhannya menurut 358 responden dalam teras Kesukarelawan dan Komuniti, mereka bersetuju bahawa semua ciri-ciri KI berkesan terhadap pelajar kecuali ciri-ciri KI untuk C yang mereka berpendapat agak berkesan. Manakala, responden dalam teras Badan Beruniform yang berjumlah 195 berpendapat bahawa secara keseluruhannya ciri-ciri KI berkesan terhadap pelajar melainkan ciri-ciri TS dan LL yang mereka merasakan agak berkesan untuk pelajar. Konklusinya, kesemua 699 responden bersetuju bahawa 8 ciri-ciri KI yang diterapkan dalam aktiviti kokurikulum adalah berkesan sepertimana keputusan yang digambarkan dalam Rajah 4a di bawah.



4a



4b

Rajah 4a: Purata Tahap Keberkesanan KI, 4b: Penerapan KI Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Rajah 4b merupakan pilihan jawapan bagi soalan berkenaan elemen KI yang diterapkan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang diterapkan oleh jurulatih. Hasil dari soal selidik ini, majoriti responden bersetuju bahawa elemen kemahiran kerja berpasukan, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran kepimpinan merupakan tiga elemen yang lebih diterapkan dalam P&P berbanding empat elemen yang lain iaitu etika dan moral profesional,

pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, dan kemahiran keusahawanan. Dapatan pada Rajah 4b menggambarkan bahawa dua kemahiran insaniah iaitu Kemahiran Komunikasi dan Kerja Berpasukan berada dalam lingkungan tertinggi iaitu 91% sehingga 92% tahap keberkesanan kepada pelajar.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penerapan KI dikalangan pelajar kokurikulum di Universiti Utara Malaysia telah berjaya dilaksanakan. Secara puratanya tahap keberkesanan berada pada tahap yang baik iaitu pada skala 5 (1-7) dan tiada penerapan KI yang berada pada nilai 3 dan ke bawah. Meskipun begitu, beberapa penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan KI kepada pelajar antaranya ialah memberikan lebih penerangan kepada pengajar/jurulatih teknik yang berkesan untuk melaksanakan KI dalam aktiviti kokurikulum dan menyediakan panduan bagaimana KI boleh diterapkan dalam setiap aktiviti kokurikulum samada dalam proses penyampaian mahupun penilaian. Latihan dan bengkel pemantapan secara berkala dan berterusan merupakan antara kaedah yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan pemahaman dan prestasi tenaga pengajar/jurulatih kokurikulum. Kerja kursus, tugas dan latihan amali kepada pelajar bukan sahaja menyoroti bidang ilmu yang khusus kepada aktiviti kokurikulum sahaja malah perlu diperluaskan agar dapat mencetus kemahiran insaniah pelajar. Jurulatih/pengajar berperanan penting bagi menjelaskan kepada pelajar apakah KI yang mereka boleh perolehi bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan. Pelajar juga perlu disediakan ruang untuk mereka membuat refleksi bagi setiap aktiviti kokurikulum yang telah mereka sertai. Refleksi ini penting agar pelajar dapat mengetahui setakat mana kemahiran insaniah ini diterapkan dan memberi peluang kepada pelajar untuk memahami bagaimana kemahiran insaniah ini diterapkan kepada mereka samada secara langsung atau tidak langsung.

References

- Bartel, J. (2018). Teaching Soft Skills for Employability. *TESL Canada Journal*, 35, 78–92. <https://doi.org/10.18806/tesl.v35i1.1285>
- Cheah, J.-H., Sarstedt, M., Ringle, C. M., Ramayah, T., & Ting, H. (2018). Convergent validity assessment of formatively measured constructs in PLS-SEM. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 30(11). <https://doi.org/10.1108/IJCHM-10-2017-0649>
- Esa, A., & Jamaludin, H. (2009). Peranan Kokurikulum di Universiti dalam Membentuk Keterampilan Mahasiswa. *International Conference on Teaching and Learning in Higher Education*, 2005, 1–14.
- Hora, M., J. Benbow, R., & Smolarek, B. (2018). Re-thinking Soft Skills and Student Employability: A New Paradigm for Undergraduate Education. *Change: The Magazine of Higher Learning*, 50, 30–37. <https://doi.org/10.1080/00091383.2018.1540819>
- Kamsah, M. Z., Abu, M. S., & Razzaly, W. (2018). Penerapan Kemahiran Insaniah (KI) Kepada Pelajar Dalam Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran di IPTA.
- Lau, M. R., Ahmad, H., Ibrahim, M. F., Yusof, N., & Arifin, N. (2015). Kemahiran Insaniah Dan Aktiviti Ko-Kurikulum Di Sekolah Menengah Dan Universiti Awam.
- Lavy, I. (2013). Soft Skills – An Important Key for Employability in the “Shift to a Service Driven Economy” Era. *International Journal of E-Education, e-Business, e-Management and e-Learning*. <https://doi.org/10.7763/IJEEEE.2013.V3.270>
- Md Ali, R., Fuziah, S., & Mohd Yusof, F. (2018). Soft Skills At Workplace: An Experienced Public University Educator’s Thoughts on Kemahiran Insaniah Competencies for Professional Development. *The Journal of Social Sciences Research*, 768–775. <https://doi.org/10.32861/jssr.spi6.768.775>

- Mohamed, M. F. (2014). Penerapan Kemahiran Insaniah dalam Konteks Membina Insan Berkepimpinan di Kalangan Pelajar Melalui Aktiviti Kokurikulum di Universiti. *Seminar Penyelidikan Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, October*, 1–11. <http://www.researchgate.net/publication/269405582>
- Mohd Amin, H. H., Jaafar, J., Hood, Z., Saad, S., & Mohd Amin, H. H. (2013). Kemahiran Insaniah Pelajar Prasiswazah: Analisis Perbezaan Jantina. *Jurnal Teknologi. Jurnal Teknologi*, 61, 19–25. <https://doi.org/10.11113/jt.v61.1677>
- Quah, W. B., Thalaha, A., Zaki Silim, A., & latif ahmad, abd. (2018). *Penerapan Kemahiran Insaniah Menerusi Sukan Petanque Dalam Kalangan Pemain Di IPTA Dan IPTS (Inculcation Of Soft Skills In Players At IPTA and IPTS Through Petanque Sport)*. 7, 12–21.
- Radzi, I. (2007). *Memperkasakan Kemahiran Insaniah Melalui Portfolio Berstruktur*.
- Samad, N., Harun, H., Jalani, N. H., Amiruddin, M., Mohd Rashid Wan Ahmad, W., & Poh Keong, P. (2014). *Tahap Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Tahun Akhir Di Politeknik Premier Malaysia*. <https://doi.org/10.13140/2.1.4733.1847>
- Shaharane, I. N. M., Jamil, J. M., & Rodzi, A. S. S. M. (2016). The application of Google Classroom as a tool for teaching and learning. *Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering*, 8(10).
- Slesarenko, I., Krakovetskaya, I., & Dalibozhko, A. (2018). *Forming Hard and Soft Skills for University Graduates Employability Enhancement*.